

Sekolah Pengajian Seni UMS Kini Miliki Makmal Teknologi Visual

Oleh Mohd. Affzanizam Mohd. Amin



Sekolah Pengajian Seni (SPS) UMS kini memiliki Makmal Teknologi Visual bagi memantapkan kemudahan di sekolah itu dan berjaya menerbitkan jurnal akademik.

Makmal Teknologi Visual Che Zulkarnain Abidin dilengkapi 20 buah komputer Apple i-Mac, dua mesin suntingan digital iaitu Avid dan Final Cut Pro dan sebuah studio suntingan. Makmal itu dinamakan bersempena nama arwah Che Zulkarnain Abidin kerana sumbangan dan usaha beliau dalam merealisasikan program Teknologi Seni Visual yang mempunyai makmal komputer serba moden dan canggih.

Menurut Dekan SPS Prof. Madya Hj. Inon Shaharuddin, makmal berkenaan yang menelan belanja RM 250 ribu mula digunakan sepenuhnya oleh para pelajar dan pensyarah sekolah berkenaan pada awal tahun ini. "Di makmal ini, para pelajar akan dilatih menggunakan perisian komputer terkini selaras dengan keperluan industri. Ini memberi ruang kepada mereka menghasilkan karya yang berkualiti dan setanding dengan karya-karya dari universiti lain."

"Dalam masa yang sama, ia juga menawarkan ruang berkarya yang beraspirasi dan menenangkan. Pelbagai karya boleh dihasilkan di makmal ini, antaranya animasi,

pengiklanan, penyuntingan filem dan video klip," katanya.

Pelancaran Jurnal Gendang Alam dan Makmal Teknologi Seni Visual Che Zulkarnain Abidin itu disempurnakan oleh bekas Naib Canselor UMS Tan Sri Prof Emeritus Dr. Abu Hassan Othman di Theatrette Ahmad Nisfu, SPS pada 13 April lalu. Beliau berharap dengan adanya kemudahan itu, para pelajar dapat meningkatkan kreativiti mereka dalam bidang seni masing-masing. Katanya, setakat ini seramai 40 pelajar mengikuti program Seni Visual di universiti itu.

Berkenaan dengan Jurnal Gendang Alam yang dilancarkan, beliau berkata, dalam jilid pertama, sebanyak tujuh buah artikel dan sebuah laporan penyelidikan dimuatkan, iaitu masing-masing empat buah artikel dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Tujuan utama penerbitan Jurnal Gendang Alam adalah untuk menerbitkan hasil penyelidikan dalam bidang pengajian seni, termasuk aspek seni visual, kraftangan, busana, penulisan kreatif, sastera, drama, tarian dan muzik.

